

LATAR BELAKANG ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG BERITA HARIAN. (APC-BH)

Bermula pada tahun 2007, Berita Harian telah menganjurkan **Anugerah Pelajar Cemerlang Berita Harian (APC-BH)** sebagai acara penganugerahan tahunan bagi meraikan dan mengiktiraf pelajar yang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum. APC-BH juga adalah acara khusus bagi menghargai sokongan semua pihak termasuk guru dan sekolah yang telah menyokong dan melanggan produk pendidikan di Berita Harian dan FullAMark bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan kokurikulum.

ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG BH & NST 2018 (APC BH & NST 2018)

APC BH & NST 2018 pada tahun ini akan dianjurkan oleh pihak Jabatan Vertikal Pendidikan, NSTP dengan perluasan format anugerah dan penambahan kategori baharu bagi mengiktiraf kecemerlangan pelajar serta pihak sekolah yang menggunakan sisipan pendidikan akhbar *New Straits Times (NST)* iaitu *School Times* sebagai elemen penting dalam pelaksanaan **APC BH & NST 2018**.

Seperti tahun sebelumnya, format penganugerahan **APC BH & NST 2018** dikekalkan dengan dua kategori utama iaitu **Anugerah Pelajar Cemerlang** dan **Rakan Sekolah Cemerlang**.

Penyertaan **Anugerah Pelajar Cemerlang (APC)** yang dibahagikan mengikut tiga (3) kategori peperiksaan iaitu **PPSR/UPSR, PT3, SPM** adalah **TERBUKA** kepada peserta Klinik UPSR BH Didik, Seminar PT3 BH Minda dan Seminar SPM BH Skor.

Selain itu, pelajar yang melanggan produk pendidikan NSTP iaitu akhbar Berita Harian berserta sisipan pendidikan **BH (DIDIK, MINDA, SKOR)**, akhbar **NST** sisipan pendidikan (**SCHOOL TIMES**) dan **FULLAMARK** juga **LAYAK** bagi menyertai percalonan **APC**. Penganugerahan **APC** akan dibahagikan mengikut **tiga (3)** kategori utama. **Tiga kategori** utama itu ialah;

- I. Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah/Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (PPSR/UPSR).
- II. Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3).
- III. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Penganugerahan **RAKAN SEKOLAH CEMERLANG** pula **TERBUKA** kepada sekolah yang telah melanggan akhbar Berita Harian (BH) dan *New Straits Times* (NST) beserta sisipan pendidikan seperti Didik, Minda, Skor dan *School Times*. Anugerah **Rakan Sekolah Cemerlang** akan dibahagikan mengikut **tiga (3)** kategori utama. **Tiga** kategori utama itu adalah seperti yang berikut;

- I. Anugerah Rakan Sekolah Cemerlang (Sekolah Rendah & Sekolah Menengah) – Akademik & Kokurikulum.
- II. Pendidik Kreatif (Penggunaan akhbar dalam PdPC- BH dan NST).
- III. Pencapaian Bahasa Inggeris Terbaik (School Times).

KATEGORI: ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG

KELAYAKAN PENYERTAAN PENCALONAN

1. Penyertaan pencalonan ini **TERBUKA** kepada pelajar yang pernah menyertai program pendidikan anjuran The New Straits Times Press (M) Berhad (KLINIK UPSR BH DIDIK, SEMINAR PT3 BH MINDA, SEMINAR SPM BH SKOR) termasuk yang mendapat tajaan oleh badan-badan korporat atau pelajar yang melanggan produk FullAMark.
2. Pelajar yang ingin menyertai pencalonan ini mestilah seorang warganegara Malaysia dan mengambil peperiksaan PPSR/UPSR, PT3 dan SPM pada tahun 2018 serta mengikuti Kurikulum Kebangsaan di sekolah-sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau Agensi Kerajaan.
3. Mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam dan bergiat secara aktif dalam kegiatan kokurikulum serta mempunyai sahsiah diri yang terpuji.
4. Kakitangan **The New Straits Times Press (M) Berhad** (termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya) serta ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri) **TIDAK LAYAK** menyertai pencalonan ini.

SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN

1. Penyertaan percalonan adalah secara individu.
2. **Penyertaan pencalonan hendaklah menyertakan borang penyertaan, gambar berukuran pasport , borang kebenaran ibu bapa/ penjaga dan salinan dokumen yang perlu disahkan oleh pihak Pengetua atau Guru Besar .**
3. Salinan dokumen yang perlu disahkan oleh Pengetua dan Guru Besar bagi tujuan penyertaan pencalonan adalah seperti berikut;
 - I. Kad Pengenalan / Sijil Kelahiran.
 - II. Slip/Sijil Keputusan peperiksaan PPSR/UPSR, PT3 atau SPM.

- III. Sijil-sijil Penyertaan Kokurikulum.
 - IV. Sijil Penyertaan Klinik BH DIDIK, Seminar BH MINDA atau Seminar BH SKOR SPM 2018, atau resit bayaran/bukti langganan FullAMark 2018.
4. Bagi penyertaan pencalonan pelajar yang berumur di bawah 18 tahun, **Borang Kebenaran Ibu bapa / Penjaga** perlu diisi seperti dilampirkan di **Lampiran A**.
 5. **Penyertaan yang lengkap** hendaklah dihantar kepada pihak penganjur sebelum atau pada **3 JULAI 2019** melalui **POS** atau **E-MEL** .
 6. Penyertaan yang sampai/ tiba selepas tarikh tutup tidak akan diterima.
 7. Penghantaran penyertaan pencalonan melalui **POS** perlu mengikut format penghantaran berikut;
 - I. Pelajar perlu menulis kategori penyertaan (**PPSR/UPSR,PT3 atau SPM**) di belakang sampul surat.
 - II. Penyertaan melalui **POS** hendaklah dihantar ke alamat seperti yang berikut;

ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG BH & NST 2018,
PO BOX 1049,
PEJABAT POS BESAR,
50902 KUALA LUMPUR.
 8. Penghantaran penyertaan pencalonan melalui **E-MEL** perlu mengikut format penghantaran berikut iaitu **format JPEG, 300dpi** ke upen@bh.com.my dengan tajuk "**Anugerah Pelajar Cemerlang BH & NST 2018**".
 9. Borang penyertaan yang tidak lengkap serta tidak mematuhi syarat dan terma pertandingan akan ditolak oleh pihak penganjur.
 10. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan, kerosakan atau kesilapan ketika penghantaran borang penyertaan melalui **POS** atau **E-MEL**.

11. Keputusan penganjur adalah muktamad.
12. Untuk sebarang pertanyaan mengenai penyertaan pencalonan, hubungi Jabatan Vertikal Pendidikan NSTP di talian **1-300-22-6787**.

KATEGORI: RAKAN SEKOLAH CEMERLANG

KELAYAKAN PENYERTAAN PENCALONAN

1. Penyertaan pencalonan ini **TERBUKA** kepada **SEKOLAH** yang telah melanggan produk NSTP iaitu akhbar BH dan NST berserta sisipan pendidikan BH (DIDIK, MINDA, SKOR), NST (School Times) atau produk FullAMark.
2. Sekolah yang ingin menyertai pencalonan ini mestilah mengikuti Kurikulum Kebangsaan di sekolah-sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau Agensi Kerajaan.

SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN.

1. Setiap sekolah dibenarkan menghantar satu penyertaan bagi setiap kategori dalam kategori **Rakan Sekolah Cemerlang**.
2. **Penyertaan pencalonan hendaklah menyertakan borang penyertaan, salinan dokumen yang disahkan oleh pihak Pengetua atau Guru Besar.**
3. Salinan dokumen yang perlu disahkan oleh Pengetua dan Guru Besar bagi tujuan pencalonan adalah seperti berikut;
 - I. Sijil pencapaian peringkat tertinggi akademik, kokurikulum dan/atau sukan pada tahun 2018.
 - II. Dokumen pencapaian akademik Bahasa Inggeris tahun 2018.
 - III. Sijil pencapaian kokurikulum peringkat tertinggi (Bahasa Inggeris) tahun 2018.
4. Bagi kategori **Pendidik Kreatif**, pihak sekolah hendaklah menyediakan **Ringkasan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPC)**. **Ringkasan PdPC** yang digunakan di sekolah hendaklah disertakan bersama-sama gambar bukti penggunaan akhbar dalam PdPC (akhbar BH dan NST berserta sisipan pendidikan).

5. **Penyertaan yang lengkap** hendaklah dihantar kepada pihak penganjur sebelum atau pada **3 JULAI 2019** melalui **POS** atau **E-MEL**.
6. Penyertaan yang sampai/tiba selepas tarikh tutup tidak akan diterima.
7. Penghantaran penyertaan pencalonan melalui **POS** perlu mengikut format penghantaran berikut;
 - I. Pihak sekolah perlu menulis kategori penyertaan **RAKAN SEKOLAH CEMERLANG** di belakang sampul surat.
 - II. Penyertaan melalui **POS** hendaklah dihantar ke alamat seperti yang berikut;

**ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG BH & NST 2018,
PO BOX 1049,
PEJABAT POS BESAR,
50902 KUALA LUMPUR.**

8. Penghantaran penyertaan pencalonan melalui **E-MEL** perlu mengikut format penghantaran berikut iaitu **format JPEG, 300dpi** ke upen@bh.com.my dengan tajuk "**Anugerah Pelajar Cemerlang BH & NST 2018**".
9. Penyertaan pencalonan yang tidak lengkap serta tidak mematuhi syarat dan terma pertandingan akan ditolak oleh pihak penganjur.
10. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan, kerosakan atau kesilapan ketika penghantaran borang penyertaan pencalonan yang dihantar melalui **POS** atau **E-MEL**.
11. Keputusan penganjur adalah muktamad.
12. Untuk sebarang pertanyaan mengenai penyertaan pencalonan, hubungi Jabatan Vertikal Pendidikan NSTP di talian **1-300-22-6787**.

HADIAH DAN PENEBUSAN

KATEGORI INDIVIDU

KATEGORI ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG			
BIL	KATEGORI PERCALONAN	JUMLAH PEMENANG	HADIAH TUNAI (RM)
1	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (PPSR/UPSR)	5	RM 1,000 bagi seorang pemenang
2	Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)	5	RM 1,000 bagi seorang pemenang
3	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	5	RM 1,000 bagi seorang pemenang

KATEGORI KUMPULAN

RAKAN SEKOLAH CEMERLANG		
BIL	KATEGORI PERCALONAN	HADIAH TUNAI (RM)
1	<i>Rakan Sekolah Cemerlang (Sekolah Rendah) – Akademik & Kokurikulum</i> Hadiah Tempat Pertama - RM5,000 / Hadiah Tempat Kedua - RM4,000 / Hadiah Tempat Ketiga - RM3,000	12,000
2	<i>Rakan Sekolah Cemerlang (Sekolah Menengah) - Akademik & Kokurikulum</i> Hadiah Tempat Pertama - RM5,000 / Hadiah Tempat Kedua - RM4,000 / Hadiah Tempat Ketiga - RM3,000	12,000
3	<i>Pendidik Kreatif (Penggunaan akhbar dalam PdPC - BH atau NST)</i> Hadiah Tempat Pertama – RM2,500 / Hadiah Tempat Kedua – RM2,000 / Hadiah Tempat Ketiga – RM1,500	6,000
4	<i>Pencapaian Bahasa Inggeris Terbaik (School Times)</i> Kategori UPSR/PPSR -RM2,500 / Kategori PT3 - RM2,500 / Kategori SPM- RM2,500	7,500

1. Keputusan penganjur adalah **MUKTAMAD**.
2. Pihak penganjur akan menghubungi peserta yang terpilih melalui maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran dokumen penyertaan pencalonan.
3. Hadiah kepada semua pemenang boleh dituntut dalam satu majlis penyampaian hadiah yang akan diadakan oleh penganjur kelak. Pada upacara penyampaian hadiah, pemenang yang berusia 18 tahun ke bawah perlu hadir dan ditemani oleh ibu bapa/penjaga.
4. Sekiranya pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak pemenang, wakil pemenang hendaklah membawa surat kebenaran yang ditandatangani oleh pemenang bersertakan salinan kad pengenalan/sijil kelahiran pemenang.

PERLINDUNGAN DATA

1. Dengan menyertai **Anugerah Pelajar Cemerlang BH & NST 2018**, peserta bersetuju untuk mendedahkan maklumat peribadi kepada penganjur bagi tujuan memproses pencalonan ini.
2. Bagi pelajar berumur 18 tahun ke bawah, **Borang Kebenaran Ibu bapa / Penjaga** bagi penggunaan data peribadi pelajar perlu diisi seperti dilampirkan di **Lampiran A**.
3. Untuk maklumat lanjut mengenai notis perlindungan data peribadi, sila layari <http://www.nstp.com.my/personal-data-protection-notice/>.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Tarikh tutup penyertaan ialah pada **3 JULAI 2019** (RABU).

***Peserta hendaklah menyemak Terma dan Syarat untuk sebarang kemas kini daripada pihak penganjur.**

LAMPIRAN A

BORANG KEBENARAN IBU BAPA / PENJAGA (BAGI PENYERTAAN PENCALONAN PELAJAR BERUMUR DI BAWAH 18 TAHUN)

Saya _____ (Ibu / Bapa / Penjaga*) No.
Kad Pengenalan _____ membenarkan anak
/ anak jagaan saya _____ No. Kad Pengenalan
_____ untuk menyertai **Anugerah Pelajar Cemerlang BH &
NST 2018**.

Dengan menyertai pencalonan **Anugerah Pelajar Cemerlang BH & NST 2018** ini,
saya bersetuju memberikan kebenaran kepada penganjur untuk menggunakan,
menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar anak/ anak jagaan
saya bagi tujuan pengiklanan dan publisiti.

Saya juga bersetuju untuk pemprosesan data peribadi anak/ anak jagaan saya bagi
tujuan menyertai pencalonan **Anugerah Pelajar Cemerlang BH & NST 2018** ini
kepada penganjur.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____

Nama :

Tarikh :

***Potong mana yang tidak berkenaan.**